

12 DEC 1997

Mahathir-Gaji

GAJI YANG TIDAK MUNASABAH HARUS DIKURANGKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini pembayaran gaji yang tidak munasabah kepada kakitangan syarikat swasta khususnya di peringkat tertinggi dan pertengahan seharusnya dikurangkan supaya selaras dengan keuntungan dan kos pengeluaran syarikat berkenaan.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat swasta juga tidak harus melayani tuntutan pegawai-pegawai atau eksekutif seperti jurutera yang meminta gaji dua atau tiga kali ganda daripada kadar biasa.

Beliau tidak mahu mereka dibayar terlalu tinggi seperti semasa keadaan ekonomi mewah sebelum kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

"Satu daripada sebab kos syarikat meningkat ialah gaji yang terlalu besar yang dibayar kepada pegawai tertinggi dan pertengahan seperti jurutera yang baru keluar universiti," kata beliau pada sidang berita sekembalinya daripada menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Tehran.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan akan memaksa syarikat swasta membekukan kenaikan gaji kakitangan mereka seperti yang dilakukan terhadap pegawai-pegawai kerajaan dalam Kumpulan A dan B.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Isnin lepas mengumumkan di Parlimen bahawa kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan yang memegang jawatan utama sektor awam (Jusa) dan katogeri A dan B dibekukan sehingga keadaan ekonomi pulih.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan bahawa gaji jemaah menteri dan timbalan menteri akan dipotong sebanyak 10 peratus manakala bagi Anggota Parlimen sebanyak tiga peratus.

Timbalan Perdana Menteri juga meminta sektor swasta mencontohi pemotongan gaji pegawai kerajaan.

Dr Mahathir seterusnya menyindir graduan universiti (golongan profesional) yang menetapkan "nilai" mereka terlebih dahulu sebelum menerima sebarang tawaran daripada syarikat swasta.

"Mereka menentukan apa yang perlu dibayar kepada mereka," kata beliau.

Perdana Menteri berkata mereka dapat berbuat demikian kerana negara mengalami kekurangan tenaga kerja mahir dan juga kerana kerajaan telah mensyaratkan kepada syarikat swasta bahawa keutamaan harus diberikan kepada orang tempatan daripada orang asing dalam menawarkan pekerjaan.

Beliau berkata keadaan seperti itu menyebabkan mereka meminta gaji yang "cukup tinggi dan tidak munasabah."

"Yang menjadikan negara kita ini mewah bukan dia orang," kata beliau.

Sambil menyifatkan mereka sebagai hanya mengambil kesempatan, Dr Mahathir berkata gaji tinggi yang dibayar oleh syarikat swasta tidak mendorong mereka untuk bekerja dengan kerajaan yang tidak mampu membayar gaji seperti syarikat swasta. -- BERNAMA

ES WAT